

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HKB 315 – Kajian Perbandingan Karya-Karya Klasik
Timur dan Barat**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan.

1. Dengan mengambilkira unsur-unsur perbezaan dan persamaan antara kesusasteraan Timur dan Barat, jelaskan erti dan ciri-ciri “karya klasik.” Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang konkrit, huraikan pula secara ringkas dua jenis kajian yang terdapat dalam disiplin Kesusasteraan Bandingan.

2. “*The Narrow Road to the Deep North* dan ‘Songs of Innocence and of Experience’ adalah dua buah karya sastera yang berbeza tetapi memperlihatkan unsur keselarian yang ketara dan menarik.”

Dengan merujuk kepada pengarang, tema dan beberapa aspek formal dalam kedua-dua karya, bincangkan secara kritis sejauh mana anda bersetuju dengan pandangan tersebut.

3. Huraikan maksud dan kaedah kajian genetik. Seterusnya, dengan mengaplikasi kaedah tersebut buktikan kemungkinan bahawa novel Barat termahsyur, *Robinson Crusoe*, berasaskan sebuah karya Timur, iaitu *Hayy ibn Yaqzan*.

...2/-

4. Berasaskan drama *Shakuntala* oleh Kalidasa dan *Antigone* oleh Sophocles, banding dan bezakan genre drama India dan Yunani, dari segi:

[i] asal-usul dan konvensi drama

[ii] unsur harmoni dan unsur tragik

Buktikan jawapan anda dengan contoh-contoh yang relevan daripada setiap karya.

5. Walaupun kajian keselarian melibatkan elemen-elemen sastera yang berbeza-beza, ia membolehkan para pengkaji membandingkan teks secara berstruktur. Bincangkan pernyataan ini dengan menunjukkan bagaimana novel Melayu *Salina* oleh A. Samad Said dan autobiografi Cuba, *Memories of Underdevelopment* oleh Edmundo Desnoes, memancarkan jatidiri negara dan bangsa menerusi jatidiri diri watak (*self as embodiment of nation*).